

# Nik Aziz perlu mohon maaf secara terbuka kepada PM

27 SEP 2002

KUALA LANGAT 26 Sept. — Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat perlu memohon maaf secara terbuka kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana menuduh Perdana Menteri tidak tahu membaca al-Quran.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ini kerana tuduhan yang dilemparkan terhadap Perdana Menteri itu adalah serius apabila mempertikaikan akidah individu.

Justeru, kata beliau, sebagai seorang Islam, maka sewajarnya Nik Abdul Aziz memohon maaf atas kesilapannya itu.

Pada masa sama, tegasnya, al-Mursyid al-Am Pas itu juga perlu menjelaskan balik kesilapan tersebut dalam ceramah Pas akan datang memandangkan dakwaan sebelum ini dibuat atas platform tersebut.

## ● Bekas pemimpin Pas desak Nik Aziz minta maaf di muka 11

“Biasanya kalau kita buat salah dan buat silap, minta maaf adalah cara yang kita sentiasa lakukan.

“Ya, memang tuduhan itu serius kata Perdana Menteri tak tahu baca Quran dan ini menjatuhkan maruahnya, maka sebab itu ada ahli (UMNO) kita ambil tindakan terhadapnya (dengan membuat laporan polis) dan ini terserah kepada pihak berkuasa,” katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah Pertandingan Desa Cemerlang Peringkat Kebangsaan 2002 di Kampung Batu Laut, di sini, hari ini.

Abdullah mengulas kenyataan Nik Abdul Aziz semalam bahawa dia tersalah cakap apabila mengatakan Dr. Mahathir tidak tahu membaca al-Quran semasa berucap pada satu majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Agama Arab Beris Lalang di Bachok, Jumaat lalu.

Menurut Abdullah, pengakuan Nik Abdul Aziz bahawa dirinya tersilap menuduh Perdana Menteri jelas menunjukkan bahawa segala tohmahan dan fitnah yang dilemparkan oleh Pas terhadap kerajaan selama ini dusta semata-mata.

Tegasnya, ini kerana dalam fitnah atau dakyah yang dibuat, kesilapan sesuatu fakta mungkin kerap berlaku.

“Boleh jadi Nik Abdul Aziz membuat kenyataan ini (berlaku kesilapan) setelah tindakan (laporan polis) cuba diambil terhadapnya,” kata beliau.